

01/10/2003

LTAT meterai MoU beli ekuiti Nadi

Norbakti Alias; Wan Jailani Razak; Suffian A Bakar
LEMBAGA Tabung Angkatan Tentera (LTAT), memeterai memorandum persefahaman (MoU) bagi membeli 20 peratus ekuiti National Aerospace & Defence Industries Sdn Bhd (Nadi), syarikat induk Airod Sdn Bhd (Airod).

Ketika ini, 90 peratus ekuiti Nadi dikuasai PJS Industries Sdn Bhd (PJS Industries), manakala baki 10 peratus ekuitinya dimiliki Menteri Kewangan Diperbadankan (MoF Inc).

PJS Industries ialah pemegang saham utama Pembinaan Jayabumi Sarawak Bhd (PJSB) yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) tetapi kos pembelian ekuiti oleh LTAT tidak dinyatakan.

Memorandum persefahaman (MOU) bagi pembelian ekuiti Nadi oleh LTAT itu dimeterai di Langkawi, semalam dengan disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Nadi ialah satu daripada peneraju industri pertahanan dan aeroangkasa tempatan manakala Airod terkenal kerana memberikan khidmat penyelenggaraan kepada pesawat komersial dan tentera.

Bername melaporkan, Presiden Nadi dan Airod, Tan Sri Ahmad Johan berkata, struktur pegangan ekuiti sedia ada dalam Nadi akan disusun semula berikutan pembelian ekuitinya oleh LTAT.

"Ia akan disusun semula untuk memudahkan proses pelupusan berkenaan tetapi tidak bermakna pegangan 10 peratus oleh MOF Inc dalam Nadi akan dicairkan," katanya.

Antara pelanggan Nadi termasuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Penerbangan Awam (DCA), The Boeing Company, BAE Systems Ltd, Tentera Udara Indonesia, Tentera Udara Yaman, Tentera Udara Thailand dan Tentera Udara Sri Lanka.

Sementara itu, Perdana Menteri semalam turut menyaksikan satu lagi majlis memeterai MoU, iaitu di antara Airod dengan BAE Systems (Operations) Ltd (BAE).

Kenyataan Airod menyebut ia bagi penubuhan sebuah usaha sama untuk memberi sokongan penuh kepada perniagaan penyelenggaraan pesawat Hawk milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Naib Presiden PJS Industries, Yasmin Madeonus Mohd Yunus, berkata, MoU itu akan mengukuhkan kedudukan Airod sebagai pusat penyelenggaraan, pembaikan dan pemulihan (MRO) pesawat.

"Usaha sama ini terbabit mereka bentuk, membangun dan mengeluarkan produk sokongan bagi jet pejuang itu," katanya selepas majlis memeterai MoU berkenaan.

Pada majlis itu, Airod diwakili Ahmad manakala BAE diwakili Pengarah Rakan Kongsi Antarabangsanya, Alex Finley.

Selain itu, Dr Mahathir juga menyaksikan majlis memeterai surat hasrat antara Airod dan pihak berkuasa bandaraya Jakarta, Indonesia iaitu DKI Jakarta (DKI).

Surat hasrat itu ialah untuk DKI membekalkan dua unit helikopter jenis MI-171 kepadanya dengan kos di antara RM7 juta dan RM10 juta setiap satu.

Perdana Menteri juga turut melancarkan logo dan nama baru Nadi yang sebelum ini dikenali sebagai Aerospace Industries Malaysia Sdn Bhd.